

Praktis BM PT3

- “ _____, sakitnya hati aku apabila melihat dia memakai baju baharu yang aku beli!” Suzana mengadu kepada kakaknya.
1.

A. Cis	C. Aduh
B. Wow	D. Alamak
 2. Dialah satu-satunya anak kesayangan Puan Mariam. Namun, _____ itu telah meninggalkannya keseorangan.

A. anak emas	C. anak tunggal
B. anak tekak	D. anak sulung
 3. Hujan yang turun _____ itu menyebabkan baju adik basah sedikit.

A. lebat	C. sedikit-sedikit
B. gerimis	D. renyai-renyai
 4. Mata datuk yang semakin _____ menyebabkan dia hanya dapat melihat objek yang besar sahaja.

A. buta	C. rabun
B. cerah	D. kelam
 5. _____ rumah Mawi dihiasi dengan pokok buah-buahan.

A. Pekarangan	C. Pengarangan
B. Perkarangan	D. Pengkarangan
 6. Kakak Sunita _____ menghadiri temu duga bagi jawatan pembaca berita pada hari Isnin ini di Damansara Utama.

A. telah	C. belum
B. akan	D. sedang
 7. Murid yang sedang menyampaikan pidato itu sangat _____ berbicara dalam menghuraikan isi.

A. laju	C. baik
B. petah	D. mahal

8. Rentap merupakan pahlawan di negeri Sarawak yang menentang _____ James Brooke.
- A. memerintahkan C. diperintahkan
B. memerintahkan D. memerintahi
9. Ibu jari kaki Amran luka kerana _____ tunggul kayu semasa mengikut ayahnya mencari buluh di hutan.
- A. tersepak C. tersentuh
B. tertolak D. tercucuk
10. Ramai penduduk hadir ke padang Kampung Permai untuk _____ persembahan wayang kulit secara terbuka itu.
- A. mempamerkan C. mempertontonkan
B. menyaksikan D. mempersembahkan